

SISTEM PEMBAYARAN PENCEN MELALUI BANK

Sistem bayaran ini melibatkan pesara/penerima pencen yang menetap di Malaysia di mana pencen adalah dibayar melalui akaun bank. Bagi kemudahan pesara/penerima pencen, tuntutan pencen boleh dibuat di mana-mana cawangan bank berkenaan.

Di bawah SPB, pencen adalah dibayar melalui dua skim, iaitu:

Skim A: untuk pesara yang mempunyai isteri/suami yang masih hidup yang dikahwini semasa dalam perkhidmatan.

Skim B: untuk pesara/penerima pencen yang berikut:-

- (i) pesara yang tidak mempunyai isteri/suami atau mempunyai isteri/ suami yang dikahwini setelah bersara;
- (ii) pesara wanita yang telah bersara sebelum 1.7.1980; dan
- (iii) penerima pencen terbitan/pencen tanggungan.

Syarat-Syarat Di Bawah Skim A

1. Akaun perseorangan (simpanan atau akaun semasa) di mana-mana bank yang menyertai SPB.
2. Pencen dikreditkan terus ke dalam akaun bank setiap bulan.

Syarat-Syarat Di Bawah Skim B

1. Akaun perseorangan (simpanan atau akaun semasa) di mana-mana bank yang menyertai SPB.
2. Pesara/penerima pencen perlu menghadirkan diri di bank setiap bulan untuk menandatangani borang tuntutan pencen.
3. Pencen akan dikreditkan ke dalam akaun sebaik sahaja borang tuntutan pencen disempurnakan.
4. Sekiranya pencen tidak dituntut untuk tempoh 6 bulan berturut-turut, amaun pencen itu akan dikembalikan semula kepada Bahagian Pencen JPA. Pesara/penerima pencen hendaklah menghubungi Bahagian Pencen JPA untuk membuat tuntutan pencen.

5. Bagi pesara/penerima yang uzur, Wakil Diri boleh dilantik untuk menandatangani borang tuntutan pencen di bank bagi pihaknya. Pengesahan doktor tentang keadaan kesihatan pesara/penerima pencen berkenaan hendaklah dikemukakan bagi mereka yang berumur kurang 70 tahun.

6. Permohonan perlantikan Wakil Diri hendaklah dibuat kepada Bahagian Pencen JPA melalui borang berkenaan dan adalah sah untuk tempoh satu tahun. Sebarang permohonan untuk memperbaharui perlantikan ini bagi tahun berikutnya boleh dibuat sekiranya didapati perlu.

Pertukaran Cara Bayaran Pencen Dari Skim B Ke skim A

Pesara dan penerima oencen di bawah Skim B boleh memohon untuk dibayar di bawah Skim A dengan syarat pesara dan penerima pencen bersetuju untuk melantik seorang wakil. Tanggungjawab utama wakil adalah untuk memaklumkan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan dengan segera apabila pesara atau penerima pencen meninggal dunia atau hilang kelayakan di bawah undang- undang pencen.

Permohonan pelantikan wakil Skim A boleh dibuat dengan mengisi Borang JPA.BP.SKP.B08 dan pembayaran pencen bulan ebrikutnya akan dilakukan melalui Skim A sehingga wakil tersebut hilang kelayakan atau meninggal dunia.

SYARAT-SYARAT MENJADI SEORANG WAKIL DI BAWAH CARA PEMBAYARAN PENCEN SKIM A DAN TANGGUNGJAWAB WAKIL

1. Syarat-syarat Umum

1.1 Berumur 21 tahun dan ke atas;

1.2 Mestilah seorang warga negara Malaysia; dan

1.3 Mestilah bermastautin di suatu alamat di Malaysia.

2. Tanggungjawab Wakil

2.1 Memaklumkan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan dengan segera apabila pesara atau penerima pencen meninggal dunia atau hilang kelayakan bawah Undang-undang Pencen yang berkuat kuasa;

2.2 Membayar balik pencen yang terlebih bayar akibat daripada kegagalan wakil memberi maklumat kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan mengenai kematian penerima pencen tunggal dalam masa tujuh hari dari tarikh kematian; dan

2.3 Memaklumkan sebarang perubahan alamat dan nombor telefon atau lain-lain maklumat berkaitan pesara, penerima atau wakil kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan

3. Pembatalan Pelantikan Sebagai Wakil

Pelantikan sebagai wakil akan terbatal sekiranya:-

3.1 Pesara atau penerima pencen:-

3.1.1 melantik wakil baru; atau

3.1.2 meninggal dunia; atau

3.1.3 hilang kelayakan menerima pencen di bawah Undang-undang pencen (kerana dipenjarakan atau diisytihar bankrap)

3.2 Wakil hilang taraf kewarganegaraan

3.3 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhak untuk membatalkan pelantikan wakil dan meminta pelantikan wakil baru sekiranya wakil asal tidak dapat dihubungi oleh Jabatan ini di alamat dan nombor telefon yang diberi sepanjang pemantauan pembayaran Skim A ini dari semasa ke semasa.

3.4 Pembayaran melalui Skim A ini akan terbatal sekiranya syarat-syarat pelantikan tidak dipatuhi di mana cara bayaran pencen Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan akan ditukar semula kepada Skim B.